

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP / KONTRAK
GRED	:	N19
KEKOSONGAN	:	4 (EMPAT)
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM
		RM1,352.00 RM4,003.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari tahun 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI), N19

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

(Gaji permulaan pada Gred N19 ialah : RM1,352.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan pada Gred N19 ialah : RM1,408.40);

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19 ialah : RM1,464.80)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/ PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) Memenuhi tempoh percubaan
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh ketua Jabatan/Perkhidmatan

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN

9. (a) Imbuhan Tetap Perumahan
(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
(c) Bantuan Sara Hidup